

Perangi pemalsuan kad kredit

BIT 8/1/09

Kerajaan kumpul maklumat terbaru, tindakan bersepadu antara kementerian

Kamal Ahmad di Bangkok



hagian besar kerana kesalahan memalsukan kad kredit.

Khamis lalu, Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Husni Zai Yaacob memberitahu Berita Harian, 246 banduan Malaysia termasuk tiga wanita menjalani hukuman dalam 10 penjara di sekitar Bangkok manakala 251 merenguk dalam 8 penjara di selatan negara itu.

Hishamuddin berkata, pembanterasannya sindiket kad kredit turut membabitkan Kementerian Kewangan dan Bank Negara.

Pagi semalam, Hishamuddin mengadakan pertemuan dengan Abhisit Vejjajiva di kediaman Perdana Menteri Thailand itu.

Hishamuddin berkata ia sekadar kunjungan hormat terhadap pemimpin itu yang sudah lama tertangguh.

Sementara itu, beliau berkata, hubungan Malaysia-Thailand memasuki era baru sejajar perubahan landskap geopolitik serantau dan antarabangsa yang memberi ruang kepemimpinan tertinggi kedua-dua negara menyelesaikan sebarang perkara berbangkit dengan penuh kesefahaman dan kesungguhan.

Katanya, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatnya Abhisit memperlihatkan hubungan yang amat erat, ikhlas dan penuh kesungguhan sehingga banyak perkara



ABHISIT menyampaikan cenderahati kepada Hishamuddin yang membuat kunjungan hormat ke Rumah Rasmi Ban Pitsanulok di Bangkok, semalam.

yang sesetengahnya dianggap membelenggu hubungan kedua-dua negara boleh diselesaikan.

Beliau yakin hubungan baik yang kian meningkat itu turut membuka peluang dan ruang kedua-dua negara meneroka kerjasama dan penyertaan dalam lebih banyak sektor baru.

Ketika ini mekanisme rundingan dan penyelesaian antara Malaysia-Thailand membabitkan forum Rundingan Tahunan membabitkan

“Sememangnya (ada fasa baru tindakan) kerana ia menjejaskan nama baik dan imej negara kita pada kacamata antarabangsa”

Hishamuddin Hussein
Menteri Dalam Negeri

kepemimpinan tertinggi kedua-dua negara, selain Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) dan Jawatankuasa Sempadan Bersama (GBC).

Hishamuddin berkata, lawatan rasmi Najib ke Thailand mulai semalam, diikuti bersama Abhisit untuk lawatan sehari di Narathiwat adalah amat sejarah, kerana ia membuktikan kesungguhan, keikhlasan, keseriusan dan kemahuan politik kedua-dua pemimpin itu untuk bergerak ke depan.